

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 11 (A54)

Johor mempunyai antara populasi perniagaan unggas yang paling padat di negara ini dan mereka memainkan peranan penting dalam bekalan makanan dan ekonomi negeri. Apakah sokongan yang diberikan kerajaan negeri kepada peniaga unggas ini?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Pihak kerajaan negeri mengawalselia penternakan unggas di bawah Enakmen Penternakan Unggas Negeri Johor bagi memastikan kelestarian sektor penternakan ini. Pada tahun 2021, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (JPVNJ) telah melesenkan sebanyak 706 buah ladang ternakan unggas. Johor antara negeri pengeluar daging ayam dan telur ayam terbesar dalam negara. Pengeluaran daging ayam sebanyak 391,446.45MT dan pengeluaran telur ayam sebanyak 136,595.85MT.

Dalam konteks Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor, salah satu fokus adalah bagi memastikan keselamatan makanan dan kelestarian pengeluaran ternakan. Justeru itu, pihak kerajaan berperanan memantau status penyakit ternakan dalam negara terutamanya bagi mengawal penularan penyakit ternakan yang akan menjejaskan pengeluaran makanan berasaskan ternakan dalam negara. Ini termasuklah pemeriksaan dan pengujian penyakit secara berterusan pada gerompok ternakan. Pengesanan ini penting bagi mengekang penularan penyakit ternakan yang akan menjejaskan kesihatan ternakan, ekonomi penternak serta risiko penyakit terjangkau pada manusia. Selain dari peruntukan pemantauan tersebut, kerajaan Johor dan kerajaan persekutuan juga memperuntukan vaksin untuk kawalan penyakit penularan penyakit ternakan

Jabatan juga memberi khidmat nasihat kepada penternak kearah persijilan MyGAP. Khidmat nasihat dan kawal selia berterusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ini meliputi pengurusan dan sistem penternakan berkualiti yang diamalkan Kod amalan penternak baik dan garis panduan GAHP (Pelaksanaan Amalan Penternakan Baik) mengikut ladang ternakan bagi menjamin ternakan dan hasil keluaran ladang diperakui selamat, berkualiti dan bebas daripada penyakit. Ternakan dan hasil keluaran ladang mereka diiktiraf dan mempunyai daya saing yang lebih tinggi daripada segi pemasaran dan peluang pasaran untuk tempatan dan luar negara. Pihak kerajaan juga berperanan mengawalselia perdagangan antarabangsa ternakan berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa. Negara mengekspot sebanyak 50 ribu matrik tan ayam hidup bernilai RM601 juta setahun.

Kerajaan juga bertanggungjawab dalam pematuhan *Sanitary and Phytosanitary Measures Agreement Fitosanitari* mula berkuat kuasa World Trade Organization (WTO) pada 1 Januari 1995. Ini melibatkan peraturan keselamatan makanan dan kesihatan haiwan dan tumbuhan dalam perdagangan antarabangsa termasuk kawalan impot secara tidak langsung menyokong perkembangan ekonomi penternakan dalam negara.

Bagi membantu penternak untuk melonjakkan lagi perusahaannya, kerajaan negeri pada tahun 2021 telah meluluskan sejumlah 61 orang penternak unggas sebagai penerima bantuan di bawah Pembangunan Ternakan Unggas. Jenis bantuan termasuklah bekalan bahan binaan bagi membaiki atau menaiktaraf reban sedia ada dan meningkatkan biosekuriti ladang bernilai RM1 juta

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

ringgit keseluruhannya. Bagi program kawalan penyakit dan kesihatan, peruntukan adalah sebanyak RM625,000.00.

Pada tahun 2022, bagi menyantuni para pengusaha penternak unggas dalam negeri Johor, kerajaan negeri akan menawarkan pengecualian bayaran lesen unggas yang disasarkan manfaatnya kepada para pengusaha unggas dalam negeri Johor (kutipan bayaran lesen bagi 2021 adalah berjumlah RM311,750 yang melibatkan 706 buah ladang unggas).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memperuntukan peruntukan bagi tahun 2022:

- 1) Program Pembangunan Unggas sebanyak RM80,000.00
- 2) Program Kawalan Penyakit Dan Kesihatan Ternakan-RM1,330,000.00

Kerajaan Persekutuan juga akan memperuntukkan bantuan Program Rezeki Ternak Ruminan & Unggas bernilai RM 6,900,000.00 pada tahun 2022 yang boleh dimanfaatkan oleh penternak-penternak kecil seluruh negara dan penternak di Johor khususnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 12 (A122)

Apakah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan Rumah Mampu Biaya kekal pada harga yang lama ekoran harga bahan binaan yang semakin meningkat naik.

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 13 (A81)

Nyatakan usaha dan langkah kerajaan untuk mengelakkan projek perumahan Rumah Mampu Biaya dimanipulasi untuk mencari keuntungan peribadi.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 14 (A105)

Minta dinyatakan usaha dan strategi pihak kerajaan negeri bagi membantu golongan muda memiliki rumah pertama di Johor selepas tempoh pendamik.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

(Jawapan bersekali untuk soalan A122, A81 & A105)

Dalam membantu golongan muda untuk memiliki kediaman sendiri dan memastikan harga RMBJ kekal, kerajaan negeri telah menyusun semula pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor melalui Program Khas Rumah Johor secara Kerjasama Kerajaan dan Swasta (PPP).

- a. Program ini berkonsepkan melalui kaedah PP dengan rizab tanah RMBJ dan dana swasta di lokasi yang sesuai.
- b. Seterusnya, menerusi program ini, urusan pinjaman menjadi lebih mudah kerana nilai rumah yang lebih tinggi disamping pemberian pinjaman 100% + 10% (tertakluk kepada polisi bank dimana 10% adalah caj guaman, duti setem dan insurans). Harga yang ditawarkan bagi rumah dibawah program ini juga adalah dibawah harga pasaran namun kualitinya setanding dengan harga pasaran. Keutamaan juga diberikan kepada pemilik rumah pertama.
- c. Penjualan semula hanya dibenarkan selepas 10 tahun. Tanah ini adalah tertakluk kepada moratorium pindahmilik kali pertama selepas nama pemaju selama 10 tahun dari tarikh perjanjian jual beli antara pemaju dan penerima pindah milik.
- d. Sehubungan dengan itu, program ini tidak mempunyai isu penyelenggaraan kerana ianya dipertanggungjawabkan kepada setiap pemilik rumah.
- e. Bagi ciri-ciri Rumah Johor, pembangunan rumah ini menggunakan sistem IBS melebihi 70% dengan ketentuan kualiti. Sistem IBS adalah sistem Atau Kaedah Pembinaan Bangunan Yang Mana Komponennya Dihasilkan Di Dalam Keadaan Terkawal (Di Kilang Atau Di Tapak Bina), Diangkut Dan Dipasang Dalam Kerja Pembinaan Dengan Penggunaan Pekerja Yang Minimum Di Tapak. Ini membolehkan rumah disiapkan dalam tempoh yang singkat tanpa menjejaskan kualiti rumah yang dibina. Bahkan melebihi daripada rumah sekelas.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

- f. Selain itu, pemaju juga harus mematuhi rekabentuk dan spesifikasi berdasarkan modul yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri.
- g. Melalui program Rumah Transit Belia di PPR Melana Fasa 1. Rumah Transit ini dikhususkan untuk golongan belia dalam lingkungan usia 18 sehingga 30 tahun dengan syarat pemohon mestilah telah berumah tangga, mempunyai kadar pendapatan isi rumah dibawah RM4,000.00 dan tidak memiliki kediaman sendiri. Jumlah unit yang ditawarkan di bawah program ini adalah sebanyak 390 unit dengan kadar sewa bulanan RM250. Keluasan bagi setiap unit adalah 700 kps dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.
- h. Selain itu, terdapat juga beberapa institusi kewangan yang menawarkan skim pinjaman pembiayaan rumah. Sebagai contoh, BSN memperkenalkan skim BSN MyHome (Program Perumahan Rakyat) khusus untuk pemilikan hartanah pertama bagi individu yang bekerja sendiri atau yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Pemohon haruslah berumur 18 sehingga 60 tahun, berpendapatan minimum RM1,000 sebulan dan terhad kepada hartanah kos rendah atau sederhana.
- i. Seterusnya melalui skim Rent-to-Own bersama Institusi Kewangan Maybank. Tujuan utama skim ini adalah untuk memberi kelonggaran kepada para pembeli untuk memiliki rumah tanpa perlu menyediakan modal yang tinggi pada peringkat awal pembelian rumah.
- j. Kelazimannya, pembeli harus menyediakan dana sekurang-kurangnya 10% daripada harga rumah bagi membuat pinjaman hartanah daripada institusi kewangan. Dibawah skim ini, pembeli hanya perlu menyediakan 1% daripada harga hartanah sebagai deposit dan mendapat biayaan penuh daripada pihak Maybank.
- k. Selain itu, dalam tempoh 5 tahun pertama, pembeli juga membuat bayaran yang lebih murah berbanding kaedah pinjaman hartanah konvensional.
- l. Ini memberi ruang kepada pembeli untuk mengoptimumkan aliran tunai mereka dengan komitmen bayaran perumahan pada kadar minimum mengikut pergerakan jumlah pendapatan semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)

SOALAN 15 (A147)

Jalan kampung seliaan Infra Desa kurang bermasalah kerana diselenggara secara berkala manakala jalan dibawah Pejabat Daerah memakan masa untuk diselenggara / dibaikpulih. Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikannya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Kerajaan negeri telah melantik syarikat idj sdn bhd sebagai syarikat konsesi penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Bagaimanapun pejabat daerah masih melakukan penyelenggaraan dan menaik taraf sesetengah jalan kampung.

Jika ada aduan berkaitan kerosakan jalan kampung yang memerlukan penyelenggaraan dan menaik taraf boleh disalurkan melalui Pejabat Daerah masing-masing. Pihak Pejabat Daerah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan proses Perolehan bagi melaksanakan kerja – kerja berkenaan.

Bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisien, kerajaan negeri telah melantik syarikat konsesi khusus untuk menaik taraf dan melebarkan jalan-jalan kampung.

Di antara skop yang dimasukkan di dalam kerja-kerja ini adalah membaharui muka-muka jalan yang memerlukan naik taraf. Segala prosedur yang dijalankan juga telah ditambah baik dan selari dengan tatacara perolehan kerajaan.

Selain itu, Pejabat Daerah juga boleh memohon peruntukan pembaikan kepada pihak Kerajaan Negeri bagi jalan-jalan yang dikategorikan sebagai keperluan mendesak.

Dengan semua usaha dan tindakan yang dilaksanakan ini, pihak kerajaan negeri berharap dapat meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat luar bandar dan sekali gus dapat mengurangkan jurang perbezaan kehidupan rakyat di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 16 (A164)

Apakah projek-projek pengubahsuaian yang dijalankan untuk memastikan saliran-saliran air berfungsi baik dan air tidak melimpah keluar akibat dari penambakan laut di Selat Johor, sekitar Sungai Chat, Sungai Segget dan Persiaran Sultan Abu Bakar/Jalan Bertingkat Skudai?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Tindakan segera, sederhana dan jangka panjang telah disusun untuk mengatasi masalah banjir di kawasan ini dengan melaksanakan kerja pembersihan, dan cadangan membina tiga pam baru di Jalan Mohd Amin, Jalan Kolam Air dan Kampung Pasir, serta menambah bilangan pam di rumah pam Sungai Chat. Selain itu, sungai sedia ada juga akan di naik taraf di kawasan hulu untuk dijadikan kolam takungan bagi mengawal kuantiti aliran air sewaktu hujan lebat dan juga membina perangkap sampah di lokasi strategik. Anggaran keseluruhan kerja-kerja ini adalah sebanyak RM 5,000,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 17 (A43)

Apakah inisiatif kerajaan negeri dalam memastikan golongan penganggur dan dibuang kerja mendapat pekerjaan pada tahun 2022 terutamanya yang terkesan akibat pandemik Covid-19?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi memastikan golongan penganggur dan individu yang dibuang terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19 kembali mendapat pekerjaan pada tahun 2022, kerajaan negeri menerusi Unit Strategik Modal Insan Johor akan terus giat melaksanakan inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 ini ke tahun 2022 dimana beberapa penambahbaikan bagi pelaksanaan inisiatif khususnya akan dibuat bagi memastikan inisiatif yang telah dirancang dapat mencapai objektifnya dan tersasar. Inisiatif seperti program Gerak Kerjaya Johor dan program Latihan Kemahiran Johor yang menyediakan penempatan pekerjaan akan turut diteruskan pada tahun 2022. Mekanisme pelaksanaan program ini pastinya akan mengambil kira SOP semasa Covid-19 dan penglibatan sektor-sektor industri yang mempunyai permintaan bakat yang tinggi dan memberi jaminan pekerjaan.

Pada tahun 2022 juga, Unit Strategik Modal Insan Johor turut akan memperkenalkan satu inisiatif baharu yang dikenali sebagai Program SMI Prihatin. Program ini merupakan bantuan terus secara 'one-off' kepada para peserta yang mengikuti program-program anjuran Unit Strategik Modal Insan Johor khususnya Gerak Kerjaya Johor. Golongan sasaran bagi inisiatif ini adalah individu golongan B40 seperti pencari kerja aktif, mereka yang telah diberhentikan kerja, lepasan graduan dan siswazah, wanita, serta individu OKU.

Bantuan SMI Prihatin ini bertujuan memberi galakkan kepada golongan penganggur untuk mengisi peluang pekerjaan yang disediakan selain membantu meringankan beban kewangan mereka. Bantuan SMI Prihatin ini terdiri daripada Bantuan Data Internet (SMI NET) dan Bantuan Insentif Mula Kerja (SMI Ready To Work) yang dijangka akan memanfaatkan 1500 pemohon.

Selain dari Unit SMI, kerajaan negeri turut menjalinkan usahasama strategik bersama PERKESO bagi menangani isu pengangguran. PERKESO telah menjalin kerjasama rapat bersama Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan Program Penjana Kerjaya 3.0 di bawah PEMULIH yang telah bermula pada 15 Julai 2021 dan akan tamat pada 31 Disember 2021. Antara program atau insentif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- i. Insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke bawah.
- ii. Insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan.
- iii. Insentif kepada pengambilan Perantis dalam kalangan lepasan sekolah dan graduan berumur 18 – 30 tahun.
- iv. Perluasan insentif pengambilan pekerja di bawah Program KerjayaGig.
- v. Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS).
- vi. Program Malaysianization untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

Kerajaan juga telah memperkenalkan Perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) di bawah Program SIP Prihatin 2.0 yang mana elaun ini diberikan kepada golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang aktif mencari pekerjaan di dalam MyFutureJobs.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam pembentangan Bajet 2022 yang lalu. Kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion kepada PERKESO untuk melaksanakan Inisiatif JaminKerja – Insentif Penggajian (JKIP) di bawah Sistem Insurans Pekerjaan yang dijangka akan memanfaatkan 300,000 pencari kerja dari seluruh negara dan negeri Johor.

Menerusi JKIP, para majikan yang menggajikan individu yang tidak aktif bekerja bakal menerima insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam (6) bulan pertama dan 30 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Bagi golongan rentan pula, majikan layak menerima insentif sebanyak 30 peratus untuk 6 bulan pertama, sebelum dinaikkan kepada 40 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Kadar insentif yang sama turut akan dipanjangkan bagi pengambilan pekerja golongan wanita yang telah mengganggur melebihi tempoh setahun, ibu tunggal dan suri rumah.

Selain itu, kerajaan juga akan meneruskan pemberian bantuan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) di bawah SIP kepada pencarum dan bukan pencarum PERKESO. Inisiatif ini merupakan penambahbaikan kepada program SIP Prihatin 1.0 dan SIP Prihatin 2.0 serta dijangka memanfaatkan seramai 265,000 individu yang aktif mencari pekerjaan. Langkah penambahbaikan insentif EMP ini juga dapat memberi impak yang positif kepada pasaran kerja secara makro, sekaligus membantu mengurangkan kadar pengangguran. Bermula tahun 2022, perluasan dan sambungan program ini akan dijenamakan semula dengan menggunakan nama SIP Elaun Mencari Pekerjaan Plus atau SIP EMP Plus bagi menggantikan nama SIP Prihatin.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 18 (A6)

Apakah pencapaian di bawah Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor dari segi menjadikan Johor sebagai destinasi pelabur luar, mencipta peluang pekerjaan baru, permodenan teknologi pertanian, penggunaan tanah-tanah yang terbiar dan pembangunan produk industri asas tani "made in Johor" ?

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 19 (A109)

Bagaimanakah pencapaian bank makanan negeri Johor (food security) diukur bagi tahun 2021?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 20 (A120)

Apakah perkembangan baru dan kemajuan industri asas tani di Johor pada tahun 2020 dan 2021?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

(Jawapan bersekali untuk soalan A6, A109 & A120)

Kerajaan negeri Johor sebagaimana dalam Ikhtiar Makmur Johor menggariskan akan penekanan terhadap Agenda Jaminan Bekalan Makanan (Johor Food Security Agenda). Iltizam politik kerajaan tersebut menjadi salah satu dasar atau agenda utama yang menjadi katalis atau impetus kepada usaha pemulihan, ketahanan, dan memperkasa kembali ekonomi negeri Johor dalam menghadapi fasa endemik Covid-19 ini.

Negeri Johor adalah negeri terawal yang menubuhkan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan mahupun pemain industri. Jawatankuasa tersebut berfungsi sebagai satu platform bagi membincangkan pelbagai strategi dan pelaksanaan dalam usaha untuk meningkatkan lagi martabat sektor pertanian dan industri makanan ke tahap yang lebih tinggi, dari semasa ke semasa.

Kerajaan Negeri Johor kini dalam merangka Dasar Agromakanan Negeri Johor (DANJO), selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang mana baru dilancarkan oleh pihak kerajaan persekutuan. Lanya akan menjadi dokumen rujukan induk kepada pelbagai pihak dalam merencana dan melaksana pelbagai inisiatif berpandukan potensi dan kelebihan yang ada pada negeri Johor. Perkara ini juga untuk memastikan, segala perancangan dan agenda yang direncanakan oleh kerajaan persekutuan dalam sektor pertanian dan industri makanan, didukung, disambut dan dimanfaatkan oleh kerajaan negeri.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian dalam Negeri Johor merupakan satu-satunya sektor yang tumbuh positif pada tahun 2020 apabila mencatatkan 3.1 peratus, iaitu daripada RM16.4 billion kepada RM16.9 billion. Sektor tanaman menyumbang 69.4 peratus, sektor ternakan menyumbang 24.9 peratus dan sektor perikanan menyumbang 5.5 peratus (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

Penekanan kerajaan dalam memperkasa sektor pertanian adalah dengan mengambil kira setiap aktiviti ekonomi yang berkaitan dalam seluruh rantai nilai sektor pertanian dan industri makanan. Ianya merangkumi aktiviti pembekalan input, pengeluaran hasil pertanian, pemprosesan dan nilai tambah industri makanan, pengedaran, pemasaran dan pengimportan serta pengeksportan. Dalam pada masa yang sama, usaha untuk memperkasa tahap sosioekonomi para petani, peladang, penternak, nelayan, pengusaha industri IAT, dan keseluruhan pemain-pemain industri dalam sektor ini tetap menjadi keutamaan. Ianya diterjemahkan melalui Belanjawan 2022 ini. Sebagai salah satu contoh, pada tahun 2022, kerajaan meningkatkan peruntukkan sebanyak hampir 100 peratus, iaitu daripada RM1.2 juta pada 2021 kepada RM2.1 juta di bawah inisiatif Pembangunan Industri Asas Tani.

Dalam memperkasa Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor, salah satu pendekatan yang menjadi keutamaan kerajaan negeri adalah dengan memperkukuh kolaborasi antara pelbagai pihak. Antaranya, kerjasama erat antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dengan memastikan pengoptimuman sumber atau fasiliti yang ada. Tidak ketinggalan juga, usaha untuk melaksanakan *outreach programme* atau jangkauan terhadap semua peringkat pemain industri sama ada kecil ataupun besar dalam keseluruhan rantai nilai sektor pertanian dan industri makanan. Realitinya, pengusaha sektor pertanian terdiri daripada 3 kategori, iaitu pengusaha sara diri, pengusaha tambah pendapatan dan pengusaha komersil.

Pada tahun 2021, selain daripada fasiliti peruntukan daripada pihak Kementerian Pertanian & Industri Makanan, kerajaan negeri juga telah menerima peruntukan daripada pihak Kementerian Kewangan Malaysia melalui PENJANA, sebanyak RM 34.5 juta bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha sedia ada untuk melonjakkan lagi aktiviti mereka. Pelbagai inisiatif dan bantuan menerusi pelbagai program telah dan akan dilaksanakan sepanjang tempoh 2 tahun, iaitu tahun 2021 hingga 2022 ini. Sehingga kini, 41 % atau RM 14.3 juta telah dapat dimanfaatkan oleh para pengusaha yang telah dikenalpasti.

Dalam sektor pertanian, keperluan saling melengkapi satu sama lain antara pengusaha-pengusaha peneraju dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana memerlukan satu sinergi bagi memastikan kedua-dua pihak tersebut mendapat manfaat bersama secara optimum. Oleh itu, salah satu pendekatan bagi tujuan tersebut adalah melalui **Program Kolaborasi Antara Syarikat Peneraju Dan Pengusaha Kecil Sederhana** dan seterusnya mewujudkan *contract farming*. Ianya akan memastikan masalah pemasaran dapat diatasi, meningkatkan mutu hasil dan harga yang lebih baik, dan mengurangkan kewujudan orang tengah, serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sehingga kini, terdapat 6 syarikat peneraju dan 20 pengusaha kecil dan sederhana daripada subsektor tanaman dan IAT telah mendapat manfaat dan menerima insentif berjumlah RM700,000.00 keseluruhannya. Selain itu, dengan insentif **Pemilikan Teknologi Mekanisasi** yang mana menggalakkan penggunaan teknologi moden dan automasi, mampu meningkatkan hasil pertanian dan mengurangkan kos operasi. Sasaran pengusaha akan mendapat manfaat daripada program ini adalah seramai 80 orang.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Stulang, Kerajaan Negeri juga sentiasa peka terhadap pembangunan sektor pertanian di negeri Johor termasuk Industri Asas Tani. Melalui Jabatan Pertanian, pelbagai insentif dan galakan telah diberi kepada usahawan IAT samada perusahaan perseorangan mahupun syarikat bagi memajukan perusahaan sedia ada, memberi nilai tambah kepada produk, serta meningkatkan pengeluaran dan pendapatan. Penambahan penerima bantuan kepada pengusaha IAT sebanyak 486 orang pada tahun 2021 berbanding 320

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

tahun 2020, menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan industri asas tani di negeri Johor terus berkembang maju. Dari segi pengeluaran hasil IAT, Johor merekodkan nilai sebanyak RM 200 Juta pada tahun 2020 berbanding RM 179 Juta pengeluaran pada suku ke-3 tahun 2021. Ini menunjukkan, industri asas tani diunjur mencatat pertumbuhan positif dalam menyumbang kepada ekonomi negeri Johor. Industri Asas Ternakan dan Perikanan juga menjadi keutamaan apabila 27 orang pada tahun ini mendapat manfaat insentif bantuan, melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor dan Jabatan Perikanan Negeri Johor.

Sebagaimana yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Bukit Pasir, pengukuran bagi pencapaian Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor adalah berdasarkan pelbagai indikator. Dalam usaha untuk memperkasa agenda tersebut, beberapa polisi dipertimbangkan dalam membangunkan rangka kerja strategi sekuriti makanan yang komprehensif dari segi ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan, dan kestabilan makanan. Malah, konsep sekuriti makanan yang ditekankan haruslah akhirnya petani akan mendapat pendapatan yang lebih baik dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan yang digambarkan kepada pengusaha pertanian. Selain itu, ianya boleh diukur dengan melihat bagaimana tahap kepenglibatan menyeluruh atau kecenderungan pihak awam dan swasta dalam menceburkan diri dalam aktiviti ekonomi pertanian, bagaimana hubungan baik atau dasar yang lebih mesra antara pemain-pemain industri dengan agensi-agensi kerajaan, pengoptimuman sumber dan fasiliti, dan pencapaian pelaksanaan projek atau program (jangka pendek atau jangka panjang) bagi membangunkan sektor pertanian dan industri makanan dalam negeri Johor.

Kehadapan ini, pihak Kerajaan Negeri pada tahun 2022 akan menjalankan 15 inisiatif bagi mencapai halatuju Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM18.9 juta. 15 inisiatif ini merangkumi 32 projek antaranya adalah Program Pembangunan Industri Pengeluaran Makanan Utama, Pembangunan Industri Asas Tani, Pembangunan Belia Tani, Program Kawalan Penyakit & Kesihatan Ternakan dan Infrastruktur Pengairan, Saliran Pertanian & Jalan Ladang.

Dalam memastikan rantai nilai pengeluaran hasil pertanian dan industri makanan tidak terganggu dan terus diperkasakan, elemen pemasaran dan pengedaran menjadi keutamaan kepada kerajaan. Usaha berterusan adalah bagi memastikan Pusat-pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) sama ada di bawah agensi kerajaan ataupun swasta memainkan peranannya secara efektif dan optimum. Dalam masa terdekat ini, pihak Kerajaan Negeri akan mewujudkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) melalui kerjasama dengan pemain industri sebagai satu inisiatif untuk melengkapkan aktiviti rantai nilai sektor pertanian. Ini adalah manifestasi kesungguhan kerajaan negeri untuk berkolaborasi dengan pemain industri agro makanan dan ini sekaligus merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan penjenamaan produk keluaran Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Jementah, kerajaan juga berusaha bagi memaksimumkan potensi negeri Johor sebagai destinasi bagi pelabur luar dan pemain industri yang strategik. Ini membolehkan kerajaan negeri mengambil peluang dalam membangunkan Projek Katalitik yang memberikan impak lebih besar dari segi komersil dan faedah sosio ekonominya. Antaranya, pembangunan projek Lembah Tenusu Jemaluang yang akan dijayakan dengan satu usahasama antara Kerajaan Negeri dan pihak ECER di tanah seluas 650 ekar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM100 juta. Secara tidak langsung, projek ini akan dapat meningkatkan penglibatan sektor swasta dan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha satelit tenusu dalam negeri

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

Johor untuk terlibat sama dalam projek pembangunan tersebut. Projek ini seterusnya disasarkan akan meningkatkan SSL pengeluaran susu tempatan dalam negara, yang mana pada ketika ini berada pada tahap 58 peratus kepada 100 peratus menjelang tahun 2025.

Dalam masa yang sama pihak Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor akan memperkasakan lagi pelaksanaan program Zon Pelaburan Makanan (ZPM), Zon Tanaman Makanan (ZTM) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di bawah seliaan Jabatan pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar seluas 12,461 hektar di seluruh negeri Johor. Pemajak tanah yang tidak mengusahakan atau melanggar syarat akan diambil tindakan bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha lain yang lebih serius untuk membangunkan tanah tersebut. Tanah-tanah ini akan diberikan penekanan untuk ditanam dengan tanaman yang mempunyai *Self-Sufficiency Ratio* (SSR) yang rendah seperti cili, halia dan kelapa selain tanaman makanan utama dan kontan. Bagi memastikan pemeliharaan dan kelestarian habitat sumber perikanan, kerajaan juga sedang dalam proses pewartaan Zon Industri Perikanan (ZIP).

Keseluruhannya, sektor pertanian dan industri makanan menjadi fokus utama dalam pembangunan ekonomi negeri Johor. Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha untuk melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi memartabatkan lagi sektor pertanian, lantas memperkukuh Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 21 (A155)

Berapakah jumlah kutipan lesen dan permit bawah “hasil bukan cukai” bagi setiap PBT Johor untuk tahun 2020 dan 2021?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, hasil Pihak Berkuasa Tempatan Negeri (PBT) Johor terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

Kutipan hasil lesen perniagaan dan permit merupakan jenis-jenis terimaan hasil di bawah kategori hasil bukan cukai PBT.

Hasil lesen terdiri daripada beberapa kategori antaranya lesen perniagaan, lesen iklan, lesen pasar dan lesen penjaja.

Manakala hasil permit terdiri daripada permit menjalankan perniagaan seperti permit sementara jualan buah-buahan bermusim dan permit berkaitan pelaksanaan pembangunan iaitu permit bangunan sementara, permit kebenaran menutup jalan dan permit meletak barang-barang binaan.

Sehingga 31 Disember 2020, jumlah hasil lesen perniagaan adalah sebanyak **RM62,839,432.04** manakala jumlah hasil permit adalah **RM12,734,973.35**. Kutipan hasil lesen dan permit ini telah menyumbang sebanyak **33.13%** di dalam kategori kutipan hasil bukan cukai pada tahun 2020 yang berjumlah RM 228,140,256.69 dan menyumbang sebanyak **5.44%** bagi keseluruhan kutipan hasil PBT yang berjumlah RM 1,388,027,038.66

Bagi tahun ini pula, sehingga 30 Oktober 2021, jumlah hasil lesen perniagaan adalah sebanyak **RM34,819,600.63** manakala jumlah hasil permit adalah **RM10,180,495.95**. Kutipan hasil lesen dan permit ini telah menyumbang sebanyak **45.12%** di dalam kategori kutipan hasil bukan cukai sehingga 30 Oktober 2021 yang berjumlah **RM99,737,441.59** dan menyumbang sebanyak **5.01%** bagi keseluruhan kutipan hasil PBT sehingga 30 Oktober 2021 yang berjumlah **RM 897,909,093.16**.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 22 (A128)

Nyatakan bilangan remaja perempuan yang menghadapi isu kemiskinan haid serta usaha dan rancangan menangani isu ini di Negeri Johor.

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial Kebangsaan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai program pendidikan kesihatan reproductif dan sosial untuk remaja. Turut diwujudkan adalah Pusat Remaja KafeTEEN yang bertindak sebagai pusat setempat remaja berusia 13 hingga 24 tahun mendapatkan maklumat, pendidikan dan perkhidmatan berkaitan kesihatan reproductif dan sosial. Di samping itu mereka juga boleh mendapatkan perkhidmatan termasuk khidmat nasihat yang bersesuaian kepada remaja seperti masalah berat badan, merokok, kesihatan mental, masalah kulit dan sebagainya.

Terdapat empat (4) Pusat Remaja KafeTEEN iaitu di KafeTEEN Nusa Bestari, UTC Johor Bahru, KafeTEEN Batu Pahat dan KafeTEEN Kota Tinggi. Sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2021, sebanyak 3,401 remaja terlibat dengan program pembangunan dan pendidikan kemahiran remaja. Daripada jumlah tersebut, 202 remaja terlibat dalam program berkaitan kesihatan reproductif dan perkembangan remaja yang turut menyentuh isu haid secara umum. Seterusnya, sesi kaunseling psikososial untuk remaja pula mencatatkan sebanyak 230 sesi kaunseling. Daripada jumlah tersebut, terdapat 8 remaja mendapatkan konsultasi doktor tentang masalah kesihatan reproductif. Daripada 8 remaja tersebut, 7 remaja menyatakan isu berkaitan masalah haid.

Dalam pembentangan Bajet 2022, dianggarkan 130,000 orang remaja wanita B40 di Malaysia tidak mendapat akses kepada produk kebersihan diri seperti tuala wanita atas sebab kewangan. Data ini akan diperincikan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia selaku rakan strategik dimana 10 buah sekolah menengah di negeri Johor akan dikenal pasti untuk dilaksanakan program pendidikan kesihatan reproductif di samping pemberian kit asas kebersihan diri kepada anggaran 10 ribu remaja wanita yang layak.

Dalam usaha untuk menangani isu kesihatan reproductif dan sosial kepada remaja dan ibu bapa yang turut merangkumi isu haid, LPPKN akan terus menyebarkan pendidikan kesihatan reproductif melalui 18 Pusat Remaja KafeTEEN LPPKN di seluruh negara supaya mereka mempunyai pengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam kesihatan reproductif dan sosial.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)

SOALAN 23 (A62)

Apakah perancangan serta program pihak kerajaan negeri bagi memastikan golongan 18 tahun mengetahui tentang kepentingan mereka untuk menjadi seorang pemilih dalam pilihan raya umum. Mohon dibentangkan secara terperinci.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Dianggarkan seramai 7.8 juta pengundi baru akan layak mengundi menjelang PRU-15. Bagi memastikan golongan 18 tahun mengetahui tentang kepentingan dan peranan mereka sebagai pengundi, kerajaan negeri merancang beberapa program sebagai persediaan untuk mempersiapkan kumpulan ini. Salah satu daripada program tersebut adalah Rapat 18. Rapat 18 akan terbahagi kepada dua (2) golongan sasaran untuk mengambil tanggungjawab mendalam tentang sejarah, falsafah demokrasi di Malaysia iaitu:

I. Mahasiswa anak Johor berumur 18 sehingga 25 tahun yang sedang menuntut di Institut Pengajian (IPTA,IPTS,Politeknik,IKBN dan lain-lain).

II. Anggaran 10,000 pelajar yang terdiri daripada 9,622 orang Penuntut Pra-Universiti di 74 buah Sekolah & Kolej Tingkatan Enam Negeri Johor dimana pembahagian seramai 5,413 Pelajar Tingkatan 6 Rendah, 4,209 Pelajar Tingkatan 6 Atas dan 445 orang calon STAM di 29 Pusat STAM Negeri Johor.

1. 3 indikator dalam domain Sosialisasi Politik adalah:

1. Penyertaan Dalam Aktiviti Politik
2. Mengikuti Perkembangan Aktiviti Politik
3. Perbincangan Isu Berkaitan Politik

Kajian yang dijalankan keatas 6,237 responden (15-30 tahun) ini jelas menunjukkan Sosialisasi Politik di kalangan anak muda adalah sangat rendah, sekaligus mencatatkan kesejahteraan hidup dan merencanakan pelan pewarisan kepimpinan dalam Negeri Johor bagi melahirkan pemimpin muda yang punyai jati diri yang tinggi.

Rapat 18 bermatlamat untuk memberikan kesedaran demokrasi kepada seramai mungkin orang muda melalui pendidikan demokrasi yang melengkapkan peserta dengan modul pendirian demokrasi dan kenegaraan. Sesi libat urus yang akan menghubungkan antara kerajaan negeri Johor dengan komuniti mahasiswa di universiti sekitar Johor akan diadakan. Rapat 18 juga menyediakan satu platform bagi mengangkat idea orang muda ke peringkat pembuatan dasar melalui seminar dan bengkel. Program latihan berkaitan ilmu demokrasi dan amalannya di Malaysia juga akan dianjurkan.

Kerajaan Negeri Johor telah mengenalpasti bakal rakan strategik, iaitu UNDI 18 dalam memastikan matlamat dan penyampaian berkenaan Undi 18 kepada belia dan bakal pengundi akan tercapai.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 24 (A64)

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menggalakan ramai remaja muka baru menceburi dalam arena sukan.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah mula mewujudkan Program Pembangunan atlet pelapis di setiap daerah dengan menamakan Program tersebut sebagai Program Gold. Program ini melibatkan atlet seawal umur 13 tahun hingga 18 tahun. Objektif Program Gold adalah bagi melahirkan atlet-atlet yang berpotensi untuk mewakili Negeri Johor di mana-mana kejohanan Kebangsaan terutamanya Temasya Sukan Malaysia.

Program Gold melibatkan 13 jenis sukan Teras & **3 jenis Sukan Pilihan** yang merupakan sukan berpotensi menyumbang pingat untuk negeri Johor. Sukan-sukan tersebut adalah: -

- | | |
|------------------|---------------------|
| 1. Menembak | 9. Gimnastik |
| 2. Lawn Bowl | 10. Gimrama |
| 3. Tenpin Boling | 11. Memanah |
| 4. Squash | 12. Silat |
| 5. Terjun | 13. Tinju |
| 6. Pelayaran | 14. Judo |
| 7. Wushu | 15. Petanque |
| 8. Badminton | 16. Kanu |

Bagi memastikan kuantiti atlet di setiap daerah mencukupi, Program Pencarian Bakat (TID, Talent Identification) wajib diadakan oleh Majlis-majlis Sukan Daerah pada setiap tahun dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah-sekolah yang terlibat.

Majlis Sukan Negeri juga turut mewujudkan Platform Pertandingan dengan mengadakan Sirkuit Remaja Johor bagi memberi pendedahan kepada atlet Program Gold bertanding. Sirkuit Remaja Johor turut diadakan sebanyak 3 Siri pada setiap tahun dan telah mula diadakan pada tahun 2016 sehingga kini.

Majlis Sukan Negeri Johor turut memberi peluang untuk golongan belia menceburi sukan *E-sport* melalui penganjuran sukan XTIF Makmur yang diadakan bermula pada bulan September 2021. Setiap lapisan umur turut diberi peluang untuk menyertai pertandingan tersebut dan hampir 39000 orang peserta yang telah terlibat.

Pembangunan sukan adalah merupakan salah satu agenda kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan. Sehubungan itu, Pada tahun 2021, JBSN Johor telah mengadakan Kanvas Visi Sukan Negara sebagai platform bagi semua pemegang taruh serta pemain industri sukan sehingga ke peringkat akar umbi untuk memberi pendapat dan idea untuk digarapkan bersama dan akhirnya dijadikan sebuah dokumen rasmi Visi Sukan Negara 2030 yang memberi penekanan kepada 6 elemen iaitu Pembudayaan Sukan, Kegemilangan Sukan, Pembangunan Bakat. Hab Sukan, Pemerkasaan Industri Sukan dan Professionalisme Sukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 25 (A144)

Apakah inisiatif dan tindakan kerajaan hari ini didalam membendung pembiakan dan pertambahan yang sangat ketara haiwan-haiwan musuh tanaman seperti monyet dan babi yang terus memusnah tanaman dan mengancam keselamatan penduduk setempat?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Untuk makluman YB Serom, bagi mengatasi masalah musuh tanaman, terutamanya seperti kera dan babi pihak Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan beberapa tindakan untuk mengurangkan populasi seperti:-

- i. Menangkap spesies hidupan liar ini dengan memasang perangkap di kawasan yang tinggi konflik hidupan liar.
- ii. Mengadakan program operasi menembak bersama komuniti kampung.
- iii. Pihak Jabatan PERHILITAN juga telah membuat operasi bersepadu bersama pihak RELA.

Selain itu, pihak Jabatan juga bercadang untuk melaksanakan program pemandulan kera untuk mengurangkan penambahan populasi kera di negeri Johor. Penambahan jumlah perangkap akan di usaha oleh pihak Jabatan iaitu mendapat peruntukkan daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Sebagai makluman tambahan pihak Jabatan PERHILITAN tiada sebarang dasar atau peruntukan untuk memberi ganti rugi atau pampasan di atas kemusnahan hasil tanaman disebabkan oleh gangguan hidupan liar yang lain. Walau bagaimanapun, di bawah Jabatan Pertanian Johor ada menyediakan Bantuan Ihsan Bencana Alam bagi kemusnahan tanaman makanan seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran akibat serangan atau gangguan haiwan perosak. Bantuan ini terkecuali daripada projek-projek komersial dan perladangan.

Bantuan ihsan ini adalah bagi membantu memulihkan projek petani dan pengusaha berskala kecil dan bukan bertujuan membayar ganti rugi kerosakan akibat bencana. Semua permohonan bantuan bencana oleh petani atau peladang perlu dikemukakan ke Pejabat Pertanian Daerah sebelum dimajukan ke peringkat Jabatan Pertanian Negeri. Semua permohonan (permohonan lengkap yang telah disahkan) perlu dikemukakan kepada Urusetia Jabatan Pertanian dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas bencana berlaku. Setiap permohonan perlu dibuktikan melalui borang bencana yang telah disemak oleh Pegawai Pertanian Daerah beserta nilai kerosakan yang telah disahkan oleh Ketua Kampung.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 26 (A18)

Sejak kebelakangan ini, banyak gajah-gajah liar berkeliaran di tepi jalan dan merosakkan tanaman kontan penduduk di sekitarnya. Hal ini amat membimbangkan pengguna jalan raya dan penduduk setempat. Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu ini?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Untuk makluman YB Tenggaroh, Jabatan PERHILITAN memang memberi perhatian yang serius ke atas gangguan gajah yang berlaku di negeri Johor.

Sehubungan itu beberapa langkah sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang telah dan akan terus dijalankan bagi mengurangkan impak gangguan gajah ini terutamanya ke atas penduduk-penduduk kampung serta pengguna jalan raya.

Bagi mengurangkan dan sebolehnya menyelesaikan konflik gajah yang berlaku di kawasan Kota Tinggi pihak Jabatan PERHILITAN telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. Menjalankan rondaan, pemantauan dan tembak halau di kawasan *hotspot* berlakunya konflik gajah.
- ii. Menjalankan operasi tangkapan gajah, di mana sebanyak 23 ekor gajah konflik telah berjaya ditangkap dan dipindahkan dari tahun 2015 hingga 2020.
- iii. Mengadakan program kesedaran awam menerusi sesi dialog dan perbincangan bersama masyarakat yang bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman penduduk dalam pengurusan konflik manusia-gajah dan kaedah pengurusan kebun yang betul terutama bagi kawasan yang bersempadan dengan kawasan hutan;
- iv. Pihak PERHILITAN telah memasang tiga (3) unit kolar satelit gajah bagi memantau pergerakan kumpulan gajah yang sering menimbulkan konflik di dalam Negeri Johor.
- v. Pihak Jabatan PERHILITAN telah memasang papan tanda di kawasan laluan gajah yang melintas jalan raya.
- vi. Pihak Jabatan PERHILITAN bercadang berbincang dengan pihak JKR untuk memasang lampu LED ataupun lampu jalan di kawasan lintasan gajah liar.

Disamping itu juga, tindakan lain yang akan diambil dan dalam perancangan pihak Jabatan PERHILITAN bagi mengurangkan gangguan konflik gajah di kampung tersebut dan kawasan sekitarnya seperti:

- i. Jabatan PERHILITAN dalam usaha mengenalpasti kebun dan ladang yang berisiko di serang oleh gajah. Tindakan seterusnya adalah mewujudkan satu Jawatankuasa Teknikal yang akan melibatkan pemilik kebun dan ladang yang berkaitan bagi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

menyelaras dan memantau tindakan yang akan diambil. Selain itu juga Jawatankuasa Teknikal ini akan menjadi satu pusat perkongsian data dan maklumat berhubung kaedah terbaik mitigasi konflik manusia-gajah ini.

- ii. Menambah bilangan kolar satelit sebanyak lima (5) unit pada tahun ini sebagai Sistem Amaran Awal pergerakan gajah bagi membolehkan tindakan proaktif diambil oleh pihak jabatan; dan
- iii. Pemantauan berterusan ke atas populasi gajah yang berkenaan dan operasi tangkapan akan dijalankan jika terdapatnya keperluan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 27 (A16)

Apakah perancangan kerajaan bagi mengelakkan berlakunya lambakan sampah yang akan naik ke darat di tepi pantai menjelang hujung tahun sehingga menyebabkan pantai kotor?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Mersing merupakan Daerah yang mempunyai pantai-pantai peranginan yang boleh dikunjungi orang masyarakat. Bagi melalui musim tengkujuh yang bakal berlaku, pihak Majlis Daerah Mersing telah pun melantik kontraktor pembersihan pantai di kawasan Pantai Bandar Mersing. Manakala pantai Air Papan juga MDM telah menyerahkan perkhidmatan pembersihan pantai kepada pihak SWCorp / SWM.

Selain itu juga, pihak MDM sentiasa melaksanakan program-program gotong royong dan program-program CSR bersama NGO seperti Trash Hero untuk pembersihan pantai-pantai di daerah Mersing.

Gerak kerja dibawah Sustainable Travel Mersing Destination Coordination Group juga banyak membantu dalam usaha memelihara dan memulihara alam selain menggalakan aktiviti sukarela clean up dikalangan komuniti serta pemantauan kebersihan laut yang sentiasa dilaksanakan.

Kempen yang berterusan melalui platform media sosial seperti Kempen plastik Sekali Guna dan Kempen larangan penggunaan polisterin dan straw plastik di atas permintaan adalah usaha dalam memastikan pengurangan sampah yang dibuang ke alam sekitar.

MDM juga turut menjadikan SWCorp dan SWM sebagai rakan strategik bagi jawatankuasa kebersihan dalam mempergiatkan lagi usaha-usaha kebersihan dalam daerah Mersing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 28 (A67)

Insentif-insentif yang diumumkan pada belanjawan 2021 untuk golongan B40 sudahkah dilaksanakan sepenuhnya. Sila jelaskan terprinci.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram, menerusi pembentangan Belanjawan Johor 2021, Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 2.0) yang merangkumi 18 inisiatif dengan peruntukan sebanyak RM118.14 juta.

Daripada 18 inisiatif tersebut, sebanyak 11 inisiatif merupakan bantuan kepada rakyat di negeri Johor yang terjejas terutamanya bagi golongan B40.

Sebanyak 9 bantuan melibatkan pemberian tunai sekali beri di bawah Agenda Johor Berkeadilan, 1 bantuan di bawah Johor Niaga dan 1 bantuan di bawah Prasarana Johor.

Kesemua inisiatif telah pun disalurkan bantuan melibatkan seramai 390,809 penerima dengan implikasi perbelanjaan sebanyak RM101.97 juta. Perincian bantuan adalah seperti berikut:

- i. Pengecualian bayaran Lesen Penjaja, Lesen Peniaga Pengusahaan Kecil dan Sederhana Mikro, sewa premis dan gerai, sewa tapak pasar malam dan pasar pagi selama setahun berkuatkuasa 1 Januari 2021. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 45,567 peniaga dengan implikasi kewangan sebanyak 20.32 juta. Inisiatif ini masih berlangsung sehingga bulan Disember 2021;
- ii. Inisiatif pengecualian Sewa PPR Dan RSK bersasar selama setahun kepada 8,743 penyewa dengan implikasi kewangan sebanyak RM13.67 juta. Pengecualian sewa masih lagi berlangsung sehingga bulan Disember 2021;
- iii. Pemberian wang tunai sekali beri sebanyak RM300 selama 2 bulan kepada penerima dari senarai e-kasih berjumlah 22,002 orang. Peruntukan sebanyak RM13.2 juta telah disalurkan kepada Pejabat-Pejabat Daerah dan telah diagihkan kepada penerima;
- iv. Pemberian wang tunai sekali beri sebanyak RM500 kepada penyewa premis, pasar awam, peniaga pasar malam dan pasar tani yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Johor.

Seramai 19,962 penerima yang layak telah menerima bantuan ini dengan perbelanjaan sebanyak RM9.98 juta. Peruntukan telah disalurkan kepada seluruh PBT di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

- i. Pemberian wang tunai sekali beri sebanyak RM500 kepada pemilik teksi, teksi limosin dan teksi lapangan terbang. Seramai 4,738 orang telah menerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM2.37 juta;
- ii. Pemberian wang tunai sekali beri sebanyak RM150 kepada mahasiswa anak Johor daripada keluarga B40. Seramai 32,215 mahasiswa yang layak telah menerima bantuan ini dengan perbelanjaan sebanyak RM4.83 juta;
- iii. Pemberian wang tunai sekali beri sebanyak RM500 kepada pengusaha bas sekolah berdaftar. Bagi bantuan ini seramai 2,121 pengusaha telah selesai menerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM1.06 juta;
- iv. Pemberian insentif bantuan sekali beri sebanyak RM100 kepada pemandu dan penghantar makanan syarikat e-hailing yang berdaftar di Johor. Seramai 14,721 penerima telah menerima manfaat di bawah inisiatif ini dengan perbelanjaan sebanyak RM1.47 juta;
- v. Pemberian wang tunai sekali beri sebanyak RM100 kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah yang berasal dari keluarga berpendapatan RM3000 hingga RM7000 sebulan. Seramai 205,006 pelajar telah menerima bantuan dengan implikasi perbelanjaan sebanyak RM20.5 juta;
- vi. Penyaluran bantuan tunai secara sekali beri sebanyak RM200 kepada petugas barisan hadapan. Seramai 30,034 petugas telah menerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM6.0 juta;
- vii. Bantuan Am Negeri dinaikkan dari RM200 kepada RM300 sebulan dengan golongan sasar di bawah bantuan Jabatan Kebajikan Johor. Inisiatif ini telah dinikmati oleh 5,700 penerima dengan implikasi perbelanjaan sebanyak RM8.55 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 29 (A124)

Mohon penjelasan tentang sejauh manakah kejayaan pelaksanaan bantuan Covid 19 kepada rakyat negeri Johor berdasarkan Belanjawaan Johor tahun 2021?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Machap, Belanjawan Johor 2021 mengambil kira senario ketidaktentuan ekonomi yang membimbangkan dan sebagaimana objektif utamanya adalah untuk:

- Menjamin Ketahanan dan Kelangsungan Ekonomi;
- Memperkasa dan Memberdaya Tahan Kebajikan Rakyat; dan
- Menjamin Kesejahteraan dan Kemakmuran Rakyat Johor.

Belanjawan Johor 2021, menerusi agenda Johor Berkebijakan, merupakan satu bentuk intervensi dan bantuan segera kepada rakyat untuk mengharungi kehidupan, khususnya semasa di dalam krisis Covid-19 ini.

Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sejumlah RM290 juta dengan 19 inisiatif yang menyasarkan lebih 1 juta penerima daripada pelbagai latar lapisan masyarakat yang menerima manfaat bagi agenda ini.

Selain itu, Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 3.0 Ihsan Johor turut dilaksanakan menerusi peruntukan sebanyak RM240.5 juta dengan 33 inisiatif yang menyasarkan 1.12 juta penerima sebagai pemangkin semasa arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 diumumkan dan penutupan sektor-sektor ekonomi demi memastikan kelangsungan hidup rakyat terjamin.

Secara keseluruhannya, lebih 2 juta rakyat Johor telah menerima bantuan semasa krisis ini dengan sebanyak RM500 juta telah dibelanjakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 30 (A112)

Sepertimana yang diketahui berkenaan Rancangan Tempatan 2030, terdapat bantahan yang dijalankan oleh penduduk kampung terutama di mukim Sungai Terap dan mukim Sungai Raya, Bukit Pasir. Apakah respons kerajaan berkenaan ini dan adakah kerajaan merancang untuk mengkaji dengan lebih teliti?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Pasir**, terdapat dua (2) jenis bantahan, iaitu bantahan daripada penduduk dan kilang (pemilik tanah industri).

Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan amnya menerima bantahan penduduk agar pemilikan dalam zon industri dikembalikan kepada zon pertanian melainkan pemilikan yang bertukar syarat industri.

Untuk makluman dewan yang mulia, Program Publisiti dan penyertaan awam bagi Kajian Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian) yang telah diadakan pada 15 November 2020 hingga 31 Disember 2020 telah menerima sebanyak 822 bantahan / cadangan bagi keseluruhan Daerah Muar.

Daripada jumlah tersebut hanya 274 bantahan melibatkan Kawasan Mukim Sungai Raya dan Sungai Terap.

Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran telah bersidang pada 3-4 Oktober 2021 bagi mendengar kesemua bantahan / cadangan serta membuat pengesyoran ke atas maklumbalas, bantahan, pandangan atau cadangan yang telah dikemukakan.

Berdasarkan sesi siasatan dan pendengaran tersebut, terdapat dua (2) kategori pembantah bagi Mukim Sungai Terap dan Mukim Sungai Raya dikemukakan iaitu :

- i. Pihak penduduk kampung yang tidak bersetuju dengan zon industri perindustrian dan memohon supaya ditukar kepada zon pertanian.
- ii. Pihak pemilik tanah yang mahu supaya zon perindustrian dikekalkan setelah mendengar dan mengambil kira semua pandangan dan dokumen-dokumen berkaitan, Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JSTP) bersetuju membuat pengesyoran berikut :
 - a. Bagi mana-mana tanah yang telah mendapat kelulusan ubah syarat tanah kepada kategori penggunaan tanah industri dalam dokumen hakmilik dan telah mempunyai kelulusan Kebanaran Merancang (KM), zon tapak tersebut akan dikekalkan kepada zon industri sebagaimana syarat tanah dan kelulusan KM.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

- b. Bagi mana-mana tanah yang tidak mendapat apa-apa kelulusan Kebenaran Merancang atau tiada kelulusan perubahan syarat tanah dari pertanian kepada industri, ia hendaklah ditukar kepada zon pertanian.

Secara dasarnya, zon perindustrian di Kawasan Mukim Sungai Raya dan Mukim Sungai Terap dicadangkan untuk dikecilkan tertakluk kepada perkara (a) – (b) di atas.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 31 (A50)

Sebagai Wakil Rakyat dilantik mengapakah ADUN Pembangkang tidak dijemput menghadiri mesyuarat untuk memberi cadangan dan pendapat di Mesyuarat Tindakan Daerah bagi membincangkan hal kebajikan rakyat, adakah hal ini boleh diubah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Mahkota**, punca kuasa pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah ini berpandukan kepada arahan No 1/2020.

Antara fungsi Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah ini adalah untuk memantau dan menilai impak pelaksanaan program dan projek pembangunan, menyelaras isu pembangunan serta pembasmian kemiskinan.

Selaras dengan arahan berikut, keahliannya adalah tetap dan tiada arahan untuk menjemput ADUN Pembangkang hadir ke mesyuarat tersebut.

Pada masa yang sama, arahan tersebut juga jelas menyatakan sebarang perubahan terhadap keanggotaan Majlis dan Jawatankuasa perlu mendapat persetujuan YAB Perdana Menteri dan perkara ini bukan di bawah kuasa kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)

SOALAN 32 (A34)

Setakat hari ini berapa Ketua Masyarakat Cina dan India yang telah dilantik sejak pertukaran kerajaan pada Mac 2020?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu**, seramai sembilan (9) orang Ketua Masyarakat bagi kampung-kampung baharu India di negeri Johor (tidak disenaraikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)) telah dilantik bagi tempoh 15 Oktober 2020 hingga 14 Oktober 2022 berkuat kuasa pada 15 Oktober 2020.

Manakala bagi pelantikan Ketua Masyarakat bagi kampung-kampung baharu Cina di negeri Johor adalah seramai 123 orang telah di bawa kepada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 November 2020 dan telah menimbang kertas J/P&KT:(KT)194/B/2020 telah mengambil keputusan seperti di bawah;

‘Bersetuju supaya kertas kerja ini **DITARIKBALIK**’

Walaupun bagaimanapun, pelantikan Ketua Masyarakat bagi kampung-kampung baharu Cina dalam tindakan bagi di bawa semula kepada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Taburan pengisian ketua masyarakat kampung-kampung baharu Cina setiap daerah adalah sebagaimana berikut;

Daripada jumlah keseluruhan 123 Ketua Masyarakat Cina di seluruh daerah Johor ialah 14 kampung baharu bagi daerah Johor Bahru; 13 di daerah Muar; 20 di daerah Batu Pahat; 16 di Segamat; 18 di Kluang; 6 kampung baharu bagi daerah Pontian dan Kota Tinggi masing-masing; 4 di daerah Mersing; 17 di daerah Tangkak serta 9 di daerah Kulai.

KEDUDUKAN TERKINI KETUA MASYARAKAT

BILANGAN KETUA MASYARAKAT (CINA) MENGIKUT DAERAH

BIL.	DAERAH	JUMLAH KAMPUNG BAHARU	PENGISIAN
1	JOHOR BAHRU	14	0
2	MUAR	13	0
3	BATU PAHAT	20	0
4	SEGAMAT	16	0
5	KLUANG	18	0
6	PONTIAN	6	0
7	KOTA TINGGI	6	0

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

8	MERSING	4	0
9	TANGKAK	17	0
10	KULAI	9	0
JUMLAH		123	0

Elaun-elaun ketua masyarakat kampung-kampung baru cina setiap daerah adalah sebagaimana berikut;

JENIS ELAUN	KADAR ELAUN
PENGERUSI	RM500 sebulan
SETIAUSAHA	RM300 sebulan
PENGENDALIAN MESYUARAT	RM100 sehingga maksima 6 kali setahun
KEHADIRAN MESYUARAT (11 orang ahli sahaja)	RM50 seorang sehingga maksima 6. kali setahun

Melalui emel bertarikh 16/07/2021 daripada pihak Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT telah dimaklumkan bahawa pihak JKT telah diarahkan untuk menyerahkan kembali peruntukan yang tidak digunakan kepada pihak MOF kerana tiada pelantikan Ketua Masyarakat yang dilaksanakan sehingga 30 April 2021.

Tempoh pelantikan Ketua Masyarakat perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan Mei 2020 (tahun semasa). Walau bagaimanapun, masih belum berlaku pelantikan tersebut, kerajaan Persekutuan telah menarik balik peruntukan ini bagi disalurkan kepada kepada pihak-pihak yang lebih memerlukan.

Keputusan / Paper Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dibawa pada pada 28 April 2021 dan telah menimbang kertas J/P&KT:(KT)53/B/2020 telah mengambil keputusan seperti di bawah;

‘Bersetuju supaya kertas kerja ini **DITANGGUH**’

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 33 (A55)

Golongan warga emas yang berstatus duda dan janda telah dikategorikan dalam golongan bujang dan bantuan wang yang diterima tidak mencukupi. Hal ini menjadi rungutan mereka. Adakah golongan ini wajar dikategorikan dalam golongan bujang sedangkan golongan ni perlu diberikan perhatian?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bekok**, Kerajaan Negeri Johor, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKMN Johor) telah menyediakan Bantuan Kewangan Bulanan kepada golongan sasaran yang memerlukan, termasuk warga emas.

Warga Emas di definisikan sebagai seseorang individu yang berumur 60 tahun ke atas mengikut definisi yang diberikan oleh *United Nations World Assembly On Ageing* di Vienna (PBB, 1982) dan turut digunapakai di negara ini dan di kalangan negara-negara ASEAN.

Kelayakan penerima Skim Bantuan Kewangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa mengira status warga emas tersebut sama ada bujang, duda, janda atau berkeluarga.

Antara syarat-syarat kelayakan penerima Bantuan Warga Emas (BWE) adalah warganegara dan bermastautin di Malaysia, berumur 60 tahun ke atas, pendapatan isi rumah tidak melebihi PGK Purata Miskin Isi Rumah semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita semasa atau mana-mana kes yang didapati bekeperluan untuk diberi bantuan bulanan.

Kadar Bantuan Kewangan Bulanan di bawah Skim Bantuan Warga Emas (BWE) ini adalah sebanyak RM500 sebulan seorang mulai Tahun 2021 berbanding kadar sebelum ini iaitu sebanyak RM350 sebulan.

Bagi golongan warga emas daif yang memerlukan jagaan dan perlindungan, JKM ada menubuhkan Institusi Warga Emas, khusus untuk memasukkan warga emas.

Antara syarat-syarat kemasukan adalah warganegara, berumur 60 tahun ke atas, tidak ada sumber pendapatan/tidak mampu menyara diri sendiri, tidak mempunyai saudara mara/waris, tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap tetapi berupaya untuk mengurus diri sendiri bagi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas tersebut.

JKM juga mempunyai rakan strategik jabatan yang turut memberi perkhidmatan kepada warga emas. Warga Emas yang berkeperluan untuk tempat jagaan boleh memohon untuk kemasukan ke mana-mana Pusat Jagaan Warga Emas di bawah NGO dengan tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur yang telah ditetapkan. Perkara ini bagi memastikan kebajikan warga emas tersebut terjaga dan dalam keadaan yang terbaik.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

Untuk makluman Dewan yang mulia, terdapat sebanyak enam (6) buah PSK Warga Emas di negeri Johor yang telah diberi geran oleh kerajaan negeri dan persekutuan sebagai rakan strategik jabatan dalam memberi perkhidmatan kepada warga emas.

Walau bagaimanapun, kemasukan warga emas ke institusi adalah merupakan pilihan terakhir kerana jabatan amat menekankan tanggungjawab keluarga dan komuniti dalam memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 34 (A156)

Merujuk kepada jawapan YAB MB bagi soalan Dewan pada Nov 2020, Johor terdapat 18,096 ekar tanah terbiar kerajaan Johor, apakah rancangan dan cara permohonan tanah terbiar tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Mengkibol**, sebelum saya menjawab soalan yang diberikan adalah lebih baik untuk saya menjelaskan semula sebarang kekeliruan yang timbul berkaitan perkara ini.

Berdasarkan jawapan saya pada Nov 2020, tanah seluas 18,096 ekar tanah itu bukanlah tanah terbiar kerajaan tetapi tanah tersebut **masih belum diberi apa-apa pertimbangan** untuk apa-apa permohonan.

Namun begitu, ianya tidak bermaksud tiada permohonan atau tiada perancangan kerajaan bagi lokasi tanah-tanah tersebut.

Pihak kerajaan telah ada beberapa perancangan dan terdapat permohonan untuk tanah-tanah kerajaan yang masih belum diluluskan permohonan itu.

Namun begitu, kerajaan masih meneliti cadangan-cadangan dan permohonan untuk memajukan tanah terbabit. Ini bagi memastikan bahawa permohonan dan cadangan memberi manfaat dan pulangan yang terbaik untuk rakyat Negeri Johor

PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN:

Bagi tujuan pemberimilikan tanah, terdapat beberapa garis panduan dan syarat kelayakan dalam pemberimilikan tanah sebagaimana berikut:-

- i. Permohon hendaklah menepati peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.
- ii. Pemohon bukan seorang muflis.
- iii. Permohonan mendapat sokongan daripada jabatan teknikal.
- iv. Kurniaan tanah diberi keutamaan kepada penduduk tempatan /penduduk mukim/ penduduk daerah di mana terletaknya tanah yang dipohon sebagaimana Pek. PTG Johor Bil. 10/1971.
- v. Pemohon atau isteri bukan dari Peserta Tanah Rancangan (Felda atau Felcra) atau telah memiliki tanah penempatan beramai-ramai (GSA).
- vi. Bagi permohonan tanah pertanian, keutamaan diberi kepada pemohon suami/isteri yang tidak memiliki tanah kurniaan kerajaan melebihi 5 ekar atau telah memiliki tanah melebihi 10 ekar sama ada pemilikan secara kurnia atau pindahmilik atau pusaka (termasuk keluasan tanah yang dipohon).
- vii. Permohonan hendaklah tidak melibatkan Rizab Kawasan Lapang atau tanah-tanah yang telah diluluskan sebagai Rizab Awam di bawah Seksyen 62 KTN 1965.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

- viii. Permohonan tidak melibatkan tanah kerajaan hasil daripada Pengambilan Balik Tanah (Akta PBT 1960) kecuali bagi tujuan asal pengambilan dan kebenaran agensi pengambil.

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS):

Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau *Temporary Occupational License (TOL)* adalah kebenaran yang diberikan oleh PBN untuk menduduki tanah Kerajaan dalam tempoh sementara selaras dengan Seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965.

Ia bukan satu bentuk hak milik atau pajakan sebaliknya kebenaran ini diberikan dalam bentuk lesen yang bersifat terhad dari segi masa, iaitu hanya sah dalam tahun ia dikeluarkan, dan akan tamat pada 31 Disember setiap tahun atau ditamatkan lebih awal oleh PBN.

Ia juga terhad dari segi penikmatan dan penggunaan tanah. Pemegang lesen LPS tidak berhak untuk membuat pindah milik, mewariskan secara pusaka atau menghadiahkan lesen tersebut kepada pihak ketiga.

PBN juga berhak untuk menghadkan penggunaannya dengan mengenakan syarat-syarat nyata pada lesen tersebut.

Walau bagaimanapun, tanah-tanah kerajaan bukanlah dengan mudahnya dikurniakan atau diberi kelulusan kepada pemohon.

Pihak kerajaan melihat dari sudut pembangunan akan datang seperti keperluan jalan raya, kemudahan-kemudahan awam, rizab-rizab kerajaan dan sebagainya.

Namun begitu, permohonan pembermilikan tanah dan LPS sepertimana kelayakan di atas adalah tidak dihalang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 35 (A53)

Pengedaran bekalan dadah adalah yang tertinggi di Johor berbanding negeri-negeri lain. Apakah usaha kerajaan negeri untuk menghapuskan aktiviti ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bekok**, menurut statistik Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri Johor sehingga 31 Oktober 2021, seramai 11,461 yang ditangkap terdiri daripada 2,111 (bekalan), 3,867 (memiliki), 5,483 (positif air kencing) dan 161 (Langkah-Langkah Pencegahan Khas - LLPK)

Rujuk data dalam rajah di bawah:

Statistik JSJN Johor sehingga 31 Oktober 2021

BIL	DAERAH	BEKALAN		MEMILIKI		POSITIF URIN		TANGKAPAN KESELURUHAN		LLPK	SEK. 39C
		KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN		
1	JBS	327	466	607	699	780	780	1714	1945	50	67
2	JBU	114	228	359	562	308	308	781	1098	11	56
3	SERI ALAM	250	359	526	659	488	488	1264	1506	12	71
4	I/PUTERI	65	121	144	179	697	697	906	997	9	50
5	KULAI	42	75	187	220	382	382	611	677	7	69
6	BATU PAHT	133	181	262	339	356	356	751	876	11	76
7	MUAR	53	112	108	179	351	351	512	642	13	56
8	KLUANG	57	85	175	225	315	315	547	625	8	46
9	SEGAMAT	66	114	158	219	378	378	602	711	8	71
10	PONTIAN	51	78	108	129	493	493	652	700	7	55
11	K/TINGGI	75	135	160	216	399	399	634	750	9	63
12	MERSING	40	79	76	112	242	242	358	433	7	52
13	TANGKAK	46	78	94	129	294	294	434	501	9	48
JUMLAH KESELURUHAN		1,319	2,111	2,964	3,867	5,483	5,483	9,766	11,461	161	780

Bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Oktober 2021 negeri Johor telah mencatatkan tangkapan keseluruhan kedua tertinggi di Malaysia selepas negeri Selangor dengan seramai 11,461 tangkapan, 9766 kes.

JSJN Johor sentiasa mengambil langkah proaktif dan melakukan tindakan yang agresif dalam usaha mengekang dan menyekat aktiviti pengedaran dadah di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

Langkah ini telah membuahkan hasil, di mana JSJN Johor telah berjaya membongkar lima (5) buah makmal haram dadah dan enam (6) stor penyimpanan dadah dengan nilai rampasan dadah keseluruhan RM 372.46 juta yang merupakan rampasan tertinggi di antara kontinjen lain.

Rujuk data dalam rajah di bawah:

Statistik Perbandingan Bekalan, Memiliki dan Urin seluruh Kontinjen sehingga 31 Oktober 2021.

BL	KONTINJEN	BEKALAN		MEMILIKI		POSITIF URIN		TANGKAPAN KESELURUHAN	
		KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN	KES	TANGKAPAN
1	SELANGOR	1,550	2,856	4,423	6,512	3,083	3,087	9,056	12,455
2	JOHOR	1,319	2,111	2,964	3,867	5,483	5,483	9,766	11,461
3	KELANTAN	1,004	1,536	3,606	5,240	3,620	3,626	8,230	10,402
4	KEDAH	1,948	2,638	3,541	4,208	3,504	3,498	8,993	10,344
5	KUALA LUMPUR	2,769	3,693	3,189	4,261	1,970	1,968	7,928	9,922
6	PAHANG	537	971	1,478	2,200	5,567	5,566	7,582	8,737
7	TERENGGAN U	787	1,164	1,734	2,289	4,253	4,253	6,774	7,706
8	PERAK	1,221	1,939	2,970	4,024	1,731	1,720	5,922	7,683
9	SABAH	516	717	1,533	1,833	4,035	4,041	6,084	6,591
10	PULAU PINANG	993	1,695	2,399	3,523	1,268	1,262	4,660	6,480
11	SARAWAK	363	578	1,205	1,578	3,590	3,573	5,158	5,729
12	NEGERI SEMBILAN	428	734	968	1,300	2,301	2,300	3,697	4,334
13	MELAKA	373	607	734	977	1,807	1,809	2,914	3,393
14	PERLIS	222	353	1,141	919	899	896	2,262	2,168
JUMLAH KESELURUHAN	14,025	14,030	21,592	31,885	42,731	43,111	43,082	89,026	

Polis Johor sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan aktiviti dadah di negeri Johor.

Pertama, menguatkuasakan (5) undang-undang utama dalam membentaras aktiviti dadah.

- i. Akta Dadah Berbahaya 1952
- ii. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985
- iii. Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakkan Harta) 1988
- iv. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- v. Akta Racun 1952

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

Kedua, menggunakan undang-undang pencegahan dibawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985 yang dikhususkan bagi siasatan yang menjurus kepada aktiviti pengedaran dadah untuk mengesan dan menangkap pengedar-pengedar dadah yang dikenal pasti.

Ketiga, menggiatkan usaha untuk memerangi penyalahgunaan dadah ke atas penagih-penagih tegar dengan menguatkuasakan peruntukan Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman penjara dan sebat.

Keempat, mengumpul risikan dan maklumat serta melaksanakan '*aggressive investigation*' bagi mengesan dan menangkap ahli-ahli sindiket serta '*kingpin*'.

Kelima, menentukan bahawa setiap tangkapan mempunyai '*operational value*' bagi tujuan *follow up* untuk mengesan dan menangkap '*upline*' dengan tujuan untuk memutuskan rangkaian pengedaran dadah.

Keenam, mengekang penyeludupan keluar dan masuk dadah ke negara jiran, melalui pelaksanaan 'Ops Benteng' dengan memberikan tumpuan di kawasan perairan pantai yang menjadi tempat transit dadah.

Ketujuh, perkongsian maklumat '*intelligent*' berkaitan aktiviti dadah dengan negara-negara yang bersempadan dengan Johor seperti Singapura dan Indonesia.

Kelapan, melaksanakan operasi secara berterusan seperti Op Pemutihan, Op Sarang, Op Langgar Narko (Orang Sekatan), Op Parti Liar (Private Party) dan Op Pusat Hiburan.

Kesembilan, memperkasakan kempen pendidikan pencegahan dadah di IPTA dan sekolah-sekolah, melalui program Modul Kesedaran Jenayah Remaja dan Kanak-Kanak Johor (MEKAR) yang dilancarkan oleh YDH Ketua Polis Johor, iaitu program pendidikan pencegahan jenayah di kalangan remaja dan kanak-kanak dengan kerjasama UTM.

Kesepuluh. Kolaborasi bersama jabatan-jabatan dan agensi kerajaan dengan melaksanakan program projek rintis, melalui kempen pencegahan dadah bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Pendidikan dan lain-lain.

Untuk rekod, Polis Kontijen Johor menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah berjaya menempa kejayaan dengan membongkar lima (5) buah makmal haram dadah pada tahun 2021 dengan rampasan dan sitaan keseluruhan sebanyak RM351,628,672.70 serta berjaya menumpaskan sebanyak 16 kumpulan sindiket dadah dengan tangkapan seramai 108 orang ahli sindiket.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 36 (A51)

Taman Mewah, Taman Sejati, Taman Ria dan taman-taman sekitar di labis sering mengalami gangguan bekalan air. Walaupun telah membuat aduan beberapa kali, masalah ini tidak mendapat jalan penyelesaian. Apakah tindakan yang diambil oleh SAJ untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Ahli Yang Berhormat Bekok**, permasalahan gangguan bekalan air di kawasan Taman Mewah, Taman Sejati, Taman Ria, dan dan taman-taman sekitar di kawasan Labis dalam ADUN Bekok, Segamat berada dalam perhatian dan telah pun ada rancangan penambahbaikan oleh pihak Ranhill SAJ.

Masalah ini disebabkan berlakunya beberapa kali kejadian paip pecah (paip jenis *asbestos cement*" (AC) yang telah uzur.

Oleh itu, pihak Ranhill SAJ telah berusaha memulih dan menstabilkan semula paras air di tangki Labis selepas kerja pembaikan paip dapat disiapkan dan mengolah sistem bekalan air dengan bantuan dari sistem tangki utama Air Panas C yang berdekatan bagi mempercepatkan pemulihan bekalan air.

Pihak Ranhill SAJ juga telah mengambil tindakan alternatif dengan membekalkan air melalui "*tanker*" ke premis yang terlibat semasa gangguan bekalan air berlaku.

Selain itu juga, bagi penambahbaikan jangka panjang, pihak Ranhill SAJ melalui (PAAB) sedang melaksanakan projek mempertingkatkan sistem agihan air yang di jangka siap sepenuhnya pada Januari 2023 sebagaimana skop kerja berikut:

- i. Pemasangan paip *Mild Steel* bersaiz 350mm dari persimpangan Jalan Sultan, Pekan Chaah hingga Sekolah Kebangsaan Desa Bertemu Jodoh sejauh 6.0km.
- ii. Menaiktaraf fasiliti Loji Air Panas C sediaada dengan tambahan kapasiti pengeluaran sebanyak 15.0 Juta Liter Sehari.
- iii. Pembinaan tangki air meninggi baru di Labis dengan kapasiti 4.5 Juta Liter bersebelahan tapak tangki sedia ada.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sekiranya semua inisiatif dan komitmen yang sedang giat diusahakan ini dapat disempurnakan mengikut perancangan, masalah yang dihadapi oleh penduduk yang terlibat akan dapat di atasi sepenuhnya menjelang tahun 2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 37 (A100)

Apakah status terkini Program Kad Sihat Johor?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 38 (A129)

Apakah status Kad Sihat Johor kepada rakyat Johor terutamanya pada pandemik Covid-19.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A100 & A129)

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Yong Peng** dan **Yang Berhormat Johor Jaya** berkaitan isu Kad Sihat.

Untuk makluman dewan yang mulia, penerima inisiatif Kad Sihat Johor masih lagi menerima manfaat, terutamanya sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini dengan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif kesihatan, menerusi pembelian RTK Antigen dan juga RTK Saliva untuk kegunaan golongan sasaran sebagaimana yang disyorkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ).

Inisiatif ini akan diperluaskan lagi pada tahun 2022, di mana sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi pembelian RTK Antigen dan RTK Saliva untuk manfaat pemegang Kad Sihat Johor yang sedia ada dan golongan yang berkecukupan.

Kerajaan negeri sentiasa berusaha dalam memastikan setiap inisiatif diperkenalkan akan memberi manfaat kepada golongan sasaran, lebih-lebih lagi di dalam suasana pandemik COVID-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)

SOALAN 39 (A86)

Bagaimanakah persediaan Johor terhadap pelaksanaan Undi18? Mencermati perkembangan diperingkat federal, Johor harus lakukan pindaan terhadap perkara 16 Undang-Undang Tubuh Negeri untuk membolehkan calon seawal umur 18 tahun bertanding dalam pilihan raya negeri ini. Apakah komitmen Johor terhadap hal ini?

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 40 (A114)

Nyatakan kebersediaan dan perancangan kerajaan dengan menggariskan jadual waktu pelaksanaan dalam melaksanakan dasar UNDI18 selaras dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang melayakkan warganegara umur 18 tahun untuk mengundi dan menjadi calon dalam Pilihan Raya.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk A86 & A114)

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Paloh** dan **Yang Berhormat Skudai** berkaitan isu pelaksanaan dasar UNDI 18.

Untuk maklumkan dewan yang mulia, Jika di peringkat Persekutuan telah bersedia untuk melaksanakan Undi 18, maka di peringkat kerajaan negeri akan menerima ketetapan berkenaan dan bersedia untuk melaksanakannya.

Namun begitu, isu calon pengundi berumur dari 18 tahun ini, perlu dilakukan pindaan berkaitan fasal 16 Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895.

Dan kerajaan negeri sedang memperhalusi mekanisme yang bersesuaian dari sudut undang-undang sekiranya terdapat keperluan pindaan terhadap Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 (**Tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri**).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 41 (A78)

Nyatakan secara jelas, pendirian kerajaan negeri tentang teknologi 5G dan persediaan untuk bersaing dengan kerajaan negeri yang lain dan kesan terhadap alam sekitar.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Seperti yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia pada awal tahun, 5G akan dilaksanakan oleh syarikat milikan kerajaan Digital National Berhad (DNB) yang ditubuhkan di bawah kementerian kewangan (MOF) sebagai *single wholesale network* bagi 5G. Perancangan dan pelaksanaan 5G akan dijalankan sepenuhnya oleh pihak DNB dan dipantau oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Penyediaan infrastruktur 5G melalui entiti tunggal adalah bagi membantu mengurangkan kos pembangunan infrastruktur dan pada masa yang sama mengelakkan pembaziran daripada pertindihan pembangunan infrastruktur di kawasan yang sama oleh penyedia perkhidmatan yang berlainan. Selain itu, ia akan membantu banyak pihak yang hanya perlu berurusan dengan satu badan sahaja untuk perancangan berkaitan 5G.

Berdasarkan perancangan awal yang telah dibentangkan, pihak DNB akan melancarkan perkhidmatan 5G di tiga kawasan pada penghujung 2021 iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya yang akan meliputi 10% kawasan berpenduduk. Menjelang 2022, DNB menasarkankan melancarkan perkhidmatan 5G di 5 bandar utama di negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Sabah seterusnya diperluaskan di 17 kawasan bandar dan luar bandar pada 2023. DNB turut menasarkankan 80% liputan 5G dikawasan berpenduduk menjelang 2024. DNB menjangkakan lebih 10,000 tapak 5G akan disediakan pada fasa ketiga di antara tahun 2025 dan 2030 untuk mencapai 90% liputan 5G di kawasan berpenduduk.

Dari sudut infrastruktur fizikal, ianya tidak banyak beza dengan infrastruktur teknologi sebelumnya seperti 4G dan 3G. Penyediaan perkhidmatan 5G masih memerlukan pembinaan menara telekomunikasi sebagaimana perkhidmatan 3G dan 4G. Menara dan struktur telekomunikasi sedia ada masih akan digunakan bagi menyediakan perkhidmatan 5G, namun akan ada pertambahan struktur dan menara bagi memastikan liputan yang lebih menyeluruh.

Selain itu, bagi menampung kelajuan 5G yang lebih laju, infrastruktur talian gentian optik perlu diperluaskan bagi menggantikan backhaul yang menggunakan teknologi *microwave* yang mempunyai kapasiti rendah dan tidak mampu menyediakan internet kelajuan tinggi 5G kepada pengguna.

Dari sudut radiasi, semua peralatan telekomunikasi memancarkan radiasi EMF (medan elektromagnetik), termasuklah telefon pintar yang orang awam gunakan. MCMC ialah agensi yang bertanggungjawab mengawal selia dan memastikan pematuhan kepada tahap dedahan EMF oleh pemberi kemudahan rangkaian.

Kekuatan EMF setiap peralatan telekomunikasi yang dibawa masuk/ digunakan di Malaysia adalah dikawal dan perlu mematuhi had dedahan seperti dalam *Commission Determination on*

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 24 NOVEMBER 2021**

the Mandatory Standard for Electromagnetic Field Emission from Radiocommunication Infrastructure (Determination No. 1 of 2010). Had dedahan yang dibenarkan di dalam penetapan tersebut adalah selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh International Commission on Non Ionizing Radiation Protection (ICNRP) yang diiktiraf oleh World Health Organization (WHO).

Kebiasaannya kadar EMF yang dipancar oleh stesen pemancar telekomunikasi 2G, 3G dan 4G adalah 90% lebih rendah daripada had yang dibenarkan. Boleh dijangkakan kadar EMF daripada peralatan 5G turut berada pada kadar yang sama. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, secara amnya pelaksanaan teknologi 5G adalah sama seperti teknologi 4G dan tidak memberi kesan mudarat terhadap alam sekitar.